

Headline	TNB peruntuk RM1 juta untuk program Kembali ke Sekolah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	20
ArticleSize	262 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,678		



TNB peruntuk RM1 juta untuk program Kembali ke Sekolah



LEO MOGGIE (belakang, tengah) bersama sebahagian daripada penerima bantuan persekolahan sempena program Kembali ke Sekolah Tenaga Nasional Berhad di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi program tahunan *Back To School* (Kembali ke Sekolah) dengan memperuntukkan sehingga RM1 juta pada tahun ini bagi memberi sumbangan pakaian dan kelengkapan sekolah kepada 5,000 murid dari 30 lokasi di seluruh Semenanjung dan Sabah.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata, secara keseluruhan, program yang memasuki tahun keenam itu menyaksikan lebih 30,000 penerima bantuan menerusi *Back To School* TNB sejak ia diperkenalkan pada 2013 dengan perbelanjaan RM6.2 juta.

"Nilai pemberian mungkin kecil untuk sesetengah keluarga tetapi besar maknanya ke-

pada para ibu bapa penerima bantuan ini, khususnya yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang masih bersekolah. Kami yakin sumbangan ini mampu meringankan beban kewangan ibu bapa daripada kelompok B40 dalam membeli kelengkapan persekolahan anak mereka.

"Memandangkan bantuan *Back to School* ini dikhususkan untuk murid berumur tujuh hingga 12 tahun, kita memberi sedikit kelonggaran bagi penerima di Lembah Pantai atas dasar kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar atau dalam kata lain wujudnya miskin bandar," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan *Back To School* TNB Peringkat Kebangsaan di sini hari ini. - BERNAMA